

Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana lima soalan daripada bahagian ini.

1 (a) Jelaskan tujuan perniagaan. [4 Markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan Perusahaan kilang seorang usahawan

Puan Zainab ialah seorang pengusaha kilang kerepek berasaskan ubi kayu di Kluang, Johor. Beliau menghasilkan pelbagai jenis kerepek yang diedarkan di setiap daerah di negeri Johor. Beliau mempunyai pekerja tetap seramai 50 orang. Perniagaan beliau menunjukkan pulangan yang lumayan iaitu jualan tahunannya adalah sebanyak RM 450,000. Beliau berhasrat untuk meluaskan lagi perniagaannya pada masa akan datang.

Huraikan klasifikasi perniagaan Puan Zainab.

[6 Markah]

2 (a) Terangkan trend persekitaran perniagaan yang mempengaruhi perubahan dalam sesebuah organisasi. [6 Markah]


(b) Gambar di bawah menunjukkan butik berjenama antarabangsa.



Jelaskan kesan lambakan barangan import di Malaysia.

[4 markah]

- 3 (a) Rajah di bawah berkaitan asas pembentukan strategi perniagaan



Jelaskan Y dan Z.

[4 Markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan suatu jenis perniagaan.

Syarikat Indah Sdn Bhd mengeluarkan produk minyak wangi. Syarikat berjaya mengeluarkan sebanyak 250 000 unit botol minyak wangi pada tahun 2019. Permintaan minyak wangi keluarannya mendapat sambutan hangat pada bulan Mei dan Jun kerana promosi yang dijalankan sempena sambutan hari Ibu dan hari bapa.

Terangkan ciri-ciri objektif yang telah dicapai oleh Syarikat Indah Sdn Bhd [6 Markah]

- 4 (a) Huraikan prosedur mengurus sumber teknologi yang diperlukan dalam sesebuah Organisasi

[6 Markah]

- (b) Maklumat di bawah ini berkaitan suatu sistem penggajian.

Encik Fikri dan Puan Nitha merupakan pekerja di Syarikat Q-Flooring Sdn.Bhd yang mengeluarkan pelbagai jenis jubin lantai untuk pasaran tempatan. Encik Fikri bekerja di bahagian operasi dan beliau dibayar mengikut jumlah jam kerja. Manakala Puan Nitha ialah Eksekutif kewangan syarikat dan beliau dibayar amaun tetap sebanyak RM 4500 sebulan.

Terangkan jenis sistem penggajian bagi Encik Fikri dan Puan Nitha

[4 Markah]

5 (a) Gambar di bawah menunjukkan dua jenis produk yang berada di pasaran.



PEMBERSIH VAKUM

ROBOT VAKUM

Terangkan ciri-ciri keperibadian usahawan dalam penciptaan dua produk tersebut

[4 Markah]

(b) Situasi di bawah berdasarkan sumber pembiayaan.

i.	Puan Ayu ingin menjual pakaian secara online. Beliau mempunyai wang simpanan RM 20,000.
ii.	Encik Asri ingin meneroka sebuah ladang baru tetapi dia tidak mahu membeli jentera membajak kerana kosnya terlalu tinggi.

Kemukakan pendapat anda, Apakah jenis sumber pembiayaan yang sesuai dipilih oleh Puan Ayu dan Encik Asri. Berikan alasan anda.

[6 Markah]

6 (a) Gambar di bawah berkenaan sebuah agensi.



Jelaskan kelebihan yang dapat dinikmati oleh usahawan setelah mendaftar dengan agensi tersebut mengikut Akta pendaftaran perniagaan 1956..

[6 Markah]

- (b) Berikut merupakan penyata kewangan bagi sebuah perniagaan.

PERNIAGAAN KAK ESAH SDN BHD
PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JULAI 2020

BUTIRAN	RM	RM
JUALAN		415,710
TOLAK : Pulangan Jualan		-
Jualan Bersih		415,710
P		
Inventori Awal Barang Siap	-	
Kos Pengeluaran	207,503	
Kos Barang Siap Untuk Dijual	207,503	
Tolak: Inventori Akhir Barang Siap	6,225	
Kos Jualan Barang Siap		201,278
Untung Kasar		214,432
Q		
Hasil Faedah		240
		214,672
R		
Faedah atas Sewa Beli Trak	1,380	
Faedah Atas Pinjaman	2,100	
Gaji Pengurus	4,140	
KWSP Pengurus -Majikan	538	
Perkeso Pengurus- Majikan	71	
Minyak Diesel & Tol	4,080	
Pendaftaran dengan SSM	60	
Susutnilai Kenderaan	4,100	
Susutnilai Alatan Pejabat	112	
Susut nilai Mesin	95	
		16,675
S		197,997

Kenal pasti butiran **P**, **Q**, **R**, dan **S**.

[4 Markah]

BAHAGIAN B

[30 markah]

*Jawab mana-mana **dua** soalan sahaja.*

7 Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Sarah.

Puan Sarah memiliki sebuah kilang jahitan pakaian di Seremban, Negeri Sembilan. Puan Sarah mempunyai 30 buah mesin jahit dan 75 orang pekerja. Permintaan terhadap baju kurung keluarannya meningkat berterusan menyebabkan Puan Sarah bercadang untuk menambahkan produk baharu dengan mengeluarkan baju kurung moden hasil rekaan pereka fesyen yang baru dilantik dalam perniagaan beliau. Puan Sarah mendapat stok kain daripada pembekal berhampiran. Puan Sarah memberikan sekeping cek kepada pembekal tersebut sebagai bukti pembayaran. Namun, Pihak bank menghubungi Puan Sarah menyatakan bahawa baki akaun semasanya tidak mencukupi dan menawarkan bayaran pendahuluan untuk menampung kekurangan wang di akaunnya.

- (a) Kenal pasti jenis sumber pembiayaan yang telah digunakan oleh Puan Sarah [4 markah]
- (b) Bagaimanakah Puan Sarah dapat mengurus sumber fizikal dengan baik? [6 markah]
- (c) Cadangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Puan Sarah untuk pembangunan produk dan pasaran baharu dalam perniagaannya. [5 markah]

8 Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Pertiwi Sdn. Bhd.

Bilangan Pekerja tetap	Jumlah Jualan Tahunan	Pasaran Produk	Visi Perniagaan
100 orang	RM18 juta	Johor, Melaka, Selangor, Perak	"Menjadi pengeluar kicap halal terkemuka di Malaysia"

- (a) Berdasarkan maklumat di atas, terangkan kelebihan penubuhan Syarikat Pertiwi Sdn. Bhd. sebagai satu peluang kerjaya. [6 markah]
- (b) Terangkan saiz dan skala Syarikat Pertiwi Sdn. Bhd ? [4 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah faktor yang mempengaruhi pengurusan Syarikat Pertiwi Sdn. Bhd. membuat perubahan visi perniagaan? [5 markah]

9 Maklumat berikut berkaitan sebuah perusahaan.

Perusahaan Ikan Kering Azli telah beroperasi selama 5 tahun di Mersing, Johor. Perusahaan ini mempunyai 40 orang pekerja tetap termasuk empat orang pengurus. Selain melantik pengurus bahagian fungsian pengeluaran dan sumber manusia, perusahaan ini turut melantik dua orang pengurus lagi untuk melaksanakan tugas bagi fungsian berikut:

Bahagian fungsian X : Mewujudkan permintaan terhadap barang

Bahagian fungsian Y : Memastikan barang disalurkan kepada pengguna tepat pada masa dan tempat.

- (a) Jelaskan bahagian fungsian **X** dan **Y**. [6 markah]
- (b) Terangkan aspek pengelolaan sumber manusia yang boleh dilaksanakan oleh pengurus sumber manusia bagi memastikan pekerja Perusahaan Ikan Kering Azli kekal bekerja dengan perusahaan ini. [4 markah]
- (c) Pada pendapat anda, jelaskan faktor luaran yang boleh memberi peluang dan ancaman kepada Perusahaan Ikan Kering Azli. [5 markah]

Bahagian C


[20 markah]

*Soalan ini **wajib** dijawab.*

- 10 Syarikat ANIS Food Processing Sendirian Berhad diasaskan pada tahun 2000 oleh Puan Anis. Perniagaan ini mengeluarkan pelbagai makanan sejuk beku. Bagi memastikan pengedaran produk dijamin kualiti dan kesegeraannya, kenderaan kontena sejuk beku digunakan.

Penyata kewangan yang lengkap telah disediakan bagi tujuan rujukan dan membuat keputusan berkaitan syarikat. Laporan kewangan ini mengandungi maklumat keuntungan, kerugian, serta kedudukan nilai aset, liabiliti dan ekuiti perniagaan ini. Rekod kewangan yang disimpan dengan baik dan sistematik membolehkan penyata kewangan disediakan dengan tepat.

Berdasarkan penyata kewangan yang disediakan, jualan bersih bagi tahun 2019 adalah berjumlah RM 2 juta. Manakala untung bersih meningkat bagi empat tahun berturut-turut.



Perniagaan yang semakin berkembang menyebabkan pihak syarikat berhasrat untuk membeli sebuah lagi lori kontena sejuk beku bagi melancarkan lagi aktiviti pengagihan. Puan Anis bercadang untuk memohon pembiayaan daripada pihak bank bagi memiliki lori kontena tersebut.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan yang berikut:

- (a) Jelaskan kelebihan jenis pemilikan perniagaan Syarikat ANIS Food Processing Sendirian Berhad? [5 markah]
- (b) Mengapakah penyata kewangan penting kepada pihak pengurusan dan pemegang saham Syarikat ANIS Food Processing Sendirian Berhad. [5 markah]
- (c) Hitungkan peratusan margin untung bersih bagi tahun 2019 dan jelaskan prestasi syarikat tersebut. [5 markah]
- (d) Pada pendapat anda, apakah jenis pembiayaan yang ingin dimohon oleh Puan Anis tersebut? Berikan alasan anda. [5 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT